

STAY AWAY FROM THE SUFIS

A friend of mine told me that she was advised to stay away from the Sufis. And this is not the first time I heard this kind of “wise” advice. In the first place who are the “Sufis” that she was advised to abstain? True, there are false Sufis or “pseudo-Sufis” (as Tan Sri Prof. Syed Naquib al-Attas always terms them) out there that you must not get close to. But at the same time all the great Imams of Ahlul Sunnah wal Jamaah (Sunni) of the past are all Sufis: from Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafie, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Ghazali and the list goes on...may Allah have mercy on them all!

When Sayyidina Jibril AS came to the Prophet SAW in the form a man wearing white clothes, he taught him about Islam that comprises of (i) Pillars of Islam (ii) Pillars of Iman and (iii) Ihsan (spiritual excellence), apart from the signs of the Qiyamah. A hadith later popularly known as Hadith Jibril AS. We all know very well about the Five pillars of Islam and Six pillars of Iman. But what about Ihsan? Ihsan is about khusyuk, ikhlas (sincerity), tawbah (repentance), sabr (patience), taqwa (piety) etc. and all this is taught in Sufism or tasawwuf or *tazkiyat al-nafs* or whatever name you want to call it. In essence, it deals with his spiritual aspect of man, or his inner self. The physical prayer will not be accepted without the presence of the spiritual heart (*khusyuk*) while one is praying. The rewards one will receive depends on the presence of his heart when he prays.

Imam Shafi'e RA said:

فَقِيهَا وَصُوفِيًّا فَكُن لَيْسَ وَاحِدًا
فَإِنِّي وَحَقِّ اللَّهِ إِيسَاءُكَ أَوْ زَمَّحٌ

Translation:

Be both a faqih and a sufi: do not be only one of them!
Verily, by Allah's truth, I am advising you sincerely.

while Imam Malik RA said:

من تصوف ولم يتفقه فقد تزندق، ومن تفقه ولم يتصوف فقد تفسق، ومن جمع بينهما فقد تحقق

Translation:

He who practises tasawwuf without learning Sacred Law corrupts his faith, while he who learns Sacred Law without practising tasawwuf corrupts himself.
Only he who combines the two proves true.

There are numerous quotes on this from our great Imams and scholars of the earliest time of Islam (salaf) or later generation (khalaf), however, suffice for us to mention here the position of Ibn Taymiyyah RA himself regarding Sufism or *tasawwuf* since those who against Sufism mostly claiming themselves are the followers of Ibn Taymiyyah RA.

Even Ibn Taymiyyah RA himself was a Sufi!. Our teacher Sheikh Haddad mentions

that "Ibn `Abd al-Hadi narrates in Bad' al-`Ilqa bi-Labs al-Khirqa that Ibn Taymiyyah boasted of having received the Qadiri Sufi Tariqah from Ibn Qudamah. For his part al-Dhahabi in his Siyar twice states he received the Suhrawardi Tariqah from his beloved Egyptian Sufi teacher Ahmad al-Abarquhi. Siyar (Fikr ed. 17:118-119 #6084, 16:302 #5655). He boasts the same in his Mu`jam al-Shuyukh. The Hafiz who surpassed both of them, Ibn Hajar al-`Asqalani, was a Shadhili Sufi – as were his students al-Sakhawi and al-Suyuti. In Sunni Islam it is unthinkable that a learned person not be a Sufi".

If you hate a Sufi, then think again whether you are truly a Sunni!

Read Also:

[What is the inner path?](#)

AMALAN HARIAN AHLI SUFI

Q. Kenapa amalan harian begitu dititikberatkan dalam jalan kerohanian?

A. Harus kita ingatkan bahawa jalan kerohanian bukan jalan teori tetapi jalan amali dan praktikal. Kita tidak mahu banyak berteori kerana teori hanyalah peringkat ilmu sahaja yang tidak mencecah ke hati sanubari dan tidak mampu meninggalkan bekas dan kesan pada nafsu. Tasawuf adalah ilmu amali yang membersihkan hati dan mengawal nafsu. Manusia hari ini ramai yang ada ilmu tetapi tidak ramai yang beramal dengan ilmunya. Hatta di kalangan para asatizah sendiri termasuk al-faqir. Umat Islam hari ini perlu beramal dengan ilmu yang dimilikinya barulah ada kesan. Mengamalkan ilmu yang dimiliki akan memberi bekas terhadap hatinya sehingga mampu menerima ilmu langsung dari Allah SWT atau yang sering disebutkan 'ilmu ladunni'.

Sebab itu dikatakan "Sesiapa yang beramal dengan ilmu yang dia ketahui, nescaya Allah akan mewariskan padanya ilmu yang dia tidak ketahui". Oleh itu, bagi mereka yang menjalani mana-mana jalan tarekat muktabar, mereka akan diminta supaya melazimkan dengan amalan-amalan harian tertentu sehinggakan seolah-olahnya menjadi wajib atas diri mereka oleh para sheikh yang murshid. Ianya umpama seorang guru sekolah yang mewajibkan anak muridnya membuat kerja-kerja sekolah di rumah atau ringkasnya dipanggil "kerja rumah" sebagai suatu usaha latihan untuk beliau lebih mahir dan cekap dengan ilmu yang telah dipelajarinya di sekolah.

Walaupun mungkin dari segi bilangan yang ditetapkan itu tiada sandarannya dari mana-mana sumber, namun dari segi amalan itu sendiri ianya merupakan nas umum dan terdapat galakan menganjurkannya. Secara umumnya, kita pernah nyatakan sebelum ini bahawa para murid dikehendaki mengerjakan semua yang wajib, meninggalkan semua yang haram, ditambah lagi berusaha sedaya upaya mengerjakan sebanyak mungkin semua amalan yang sunat dan meninggalkan sebanyak mungkin amalan yang makruh. Ini termasuklah mendirikan Solat Fardhu dan bagi lelaki digalakkan berjemaah di masjid.

Menggada'kan semua Solat Fardhu yang ditinggalkan dan mendirikan Solat-Solat Sunat yang dianjurkan. Solat Tahajjud merupakan amalan yang tidak sepatutnya ditinggalkan oleh mereka yang ingin mendekatkan diri dengan Allah SWT di mana anjurannya terlalu banyak antaranya mafhum hadith yang menyebut pada penghujung sepertiga malam, Allah SWT akan berkata: "Adakah sesiapa yang memanggil Aku, agar Aku menjawab panggilannya, adakah sesiapa yang meminta sesuatu dariKu, agar Aku penuhi permintaannya, adakah sesiapa yang memohon keampunan dariKu agar Aku mengampuninya" [Bukhari, 2.66:1145]. Bangkit di malam hari bermunajat kepada Allah SWT dan mengatakan kepadaNya bahawa kita cintakanNya, berterima kasih atas segala nikmatNya, dan memohon keampunan darinya. Apabila kita khuatir tidak mampu bangkit untuk Solat Tahajud di sepertiga malam atau ketika dalam musafir dan dikhuatiri kepenatan, maka solatlah sebelum tidur. Jangan sekali-kali meninggalkan Solat Tahajud bagi mereka yang ingin mendekatkan diri dengan Allah SWT kerana Solat Tahajud adalah kunci besar dan rahsia untuk taqarrub kepada Allah. Begitu juga Solat Dhuha, Solat Witir, Solat Hajat, Solat Istikharah dan lain-lain hendaklah dilazimkan dan bukannya dikerjakan sekali sekali sepertimana orang awam.

Q.? Apakah amalan harian turut melibatkan membaca al-Qur'an

A. Ya, sudah tentu. Hubungan akrab dengan Allah tidak mungkin terjalin tanpa kita meluangkan masa membaca "pesanan-pesanan" dan perintah yang diarahkan oleh Allah SWT. Membacanya bukan seperti orang awam membaca, tetapi dengan hati yang merendah diri dan takutkan Allah (*tadarru'*) dan khusyuk. Sesekali setelah berlalu satu atau dua muka surat, maka berhenti sejenak memohon keampunan dariNya, memohon ganjaran syurga dariNya dan dijauhi neraka. Bagi murid yang menjalani jalan tarekat, kebiasaannya sheikh akan mengarahnya membaca al-Qur'an bermula dari awal hingga akhir, dan bukannya "ditebuk-tebuk" hanya surah-surah tertentu sahaja. Ada riwayat yang menyebut baginda Rasulullah SAW menganjurkan agar al-Qur'an dikhatamkan sebulan sekali, bermakna satu juzuk sehari. Amalan ini mungkin agak mudah bagi mereka yang lancar membaca al-Qur'an khususnya di kalangan orang Arab atau mereka yang lancar bahasa Arabnya. Bagi mereka yang bukan berbangsa Arab, Imam al-Nawawi menyebut dalam kitabnya al-Adhkar bahawa para Salaf mengkhataamkan al-Qur'an sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan – bermakna separuh juzuk sehari. Ada yang mencadangkan tidak kurang dari suku juzuk sehari. Namun apapun, yang penting adalah al-Qur'an hendaklah dibaca walaupun sedikit setiap hari. Sebanyak mana seseorang itu mampu membacanya, maka ianya bergantung kepada tawfiq yang dianugerahkan kepadanya oleh Allah SWT. Lanjutan dari itu juga, mereka yang menjalani jalan tarekat hendaklah mendalami ilmu tajwid agar mampu membacanya baik sepertimana ianya diturunkan. Selain dari itu, seseorang itu perlu turut memiliki naskhah tafsir atau terjemahan ringkas yang menerangkan tentang makna bacaan al-Qur'an tersebut sebagai contoh Tafsir al-Jalalayn oleh Imam al-Suyuti.

Q. Apakah lagi amalan harian lain bagi para pengembara jalan kerohanian?

A. Bagi mereka yang mengikut tarekat, maka selain menjaga solat fardhu dan turut mendirikan solat-solat sunat sebaik mungkin, membaca al-Qur'an yang kebiasaannya dituntut oleh semua tarekat, amalan lain pula bergantung kepada tarekat masing-masing. Di sana ada perbezaannya namun matlamatnya sama untuk menyucikan hati. Antara amalan-amalan yang biasa diamalkan khususnya bagi

pengikut tarekat Shadhaliyyah , misalnya adalah seperti berikut:

- Selawat kepada Nabi SAW
- Istighfar
- La ilaha illallah
- Sheikh al-Hashimi dalam kitabnya *Miftah al-Jannah* misalnya menyarankan sepuluh zikir yang sepatutnya dibaca oleh setiap orang Islam sekurang-kurangnya sekali seumur hidup seperti 'Audhu billah mina sh-Shaytani rajim, Bismillah, Alhamdulillah, La ilaha illa Allah, Subhana -llah, La hawla quwwata illa bi Llah, Allahu Akbar, Astaghfirullah dan Selawat ke atas Junjungan Besar Nabi SAW.
- Begitu juga melazimkan zikir-zikir harian yang mathurat yang dituntut misalnya apabila mahu keluar dari rumah, keluar/masuk tandar, memakai baju dan seumpamanya.

Q. Benarkah ada tuduhan yang mengatakan para sufi dan ahli tarekat juga sering beramal dengan hizib-hizib, doa-doa seperti Hizbul Bahr, Hizbul Nasr dan seumpamanya yang tidak warid dari baginda SAW, dan adakah ini dibenarkan?

A. Ya, benar. Para pengikut tarekat, selain beramal dengan doa-doa, wirid-wirid yang mathur dan jelas bersumberkan hadith dari Baginda SAW juga turut beramal dengan doa-doa, wirid-wirid atau hizib yang disusun oleh para ulama dan para imam atau sheikh tarekat mereka. Wirid-wirid atau hizib ini bukanlah suatu yang menyalahi syariat kerana kata-katanya terkandung dalam al-Qur'an atau al-Hadith cuma susunannya sahaja yang disusun oleh para ulama ini. Dalil yang membenarkan perkara ini adalah sepertimana hadith Buraydah r.a. yang menyebut:

"Ketika aku memasuki masjid bersama Baginda SAW, ada seorang lelaki sedang berdoa "Wahai Allah, aku bermohon kepadaMu dengan pengakuanku bahawa Engkaulah Allah, tiada tuhan melainkan Engkau, Yang Esa, Yang Perkasa, yang tidak beranak dan tidak diperanakkan dan tidak menyerupai sesuatu pun" lalu Baginda SAW bersabda "Demi nyawaku dalam genggamannya, lelaki itu telah memohon dengan nama Allah Yang Maha Agung, yang sekiranya beliau meminta dengannya pasti akan diberi dan jika beliau berdoa dengannya pasti dikabulkan" [Ibn Hibban, 3:174:892.S]

Peristiwa ini menunjukkan bahawa para Sahabah r.anhum menyusun sendiri doa-doa atau wirid mereka selain dari doa atau wirid yang diajarkan oleh Baginda SAW dan Baginda SAW sama sekali tidak menegahinya bahkan menggalakkannya selama mana ianya tidak bercanggah dengan syariat. Berdasarkan dalil ini, para ulama berpendapat bahawa dibolehkan untuk menyusun sendiri doa-doa atau wirid-wirid dan perkara ini terbukti telah dilakukan oleh imam-imam besar termasuk Imam Nawawi, Imam al-Haddad dan lain-lain. *Wallahu 'alam.*

Wa ma tawfiqi illa billah. Wallahu'alam.

[Rencana ini disiarkan dalam majalah Q&A siri 19 terbitan [Galeri Ilmu Sdn.Bhd](#)]

Apa itu Tasawwuf?

❌ Apa itu Tasawwuf?

Tasawwuf ialah salah satu cabang teras ilmu Islam yang wujud sejak zaman berzaman yang sangat penting dalam tradisi ilmu Islam. Ianya memfokuskan kepada pembangunan rohani atau batiniah dan pembinaan akhlak seseorang Islam. Namun malang sekali, hari ini kalimah “tasawwuf” telah disalahfahami dan adakalanya dicemari. Melalui ruangan ini akan kita perjelaskan dari semasa ke semasa faham tasawwuf yang sebenar agar kemurnian ilmu tasawwuf itu dapat dikembalikan, insya Allah.

Bagaimana Asal Muncul Ilmu Tasawwuf?

Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai sumber ilmu untuk seluruh manusia. Baginda adalah sebaik-baik makhluk dan sesempurna kejadian. Tiada seorang manusia pun yang boleh menandingi Baginda SAW dari segi kesempurnaannya. Melalui lidah mulia Baginda SAW, kita menerima wahyu Allah SWT yang dinamakan al-Qur'an. Seterusnya Baginda SAW menjelaskan lagi berhubung dengan al-Qur'an dan Islam melalui Hadithnya.

Selepas Baginda SAW wafat (w. 11H / 632M), tiada lagi manusia sempurna (insan kamil) yang boleh menjawab semua persoalan dan memandu umat ke jalan yang diredhai Allah SWT. Lantas para ulama merasakan perlunya mempertahankan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW agar tidak berlaku penyelewengan dari sumber asalnya. Maka ilmu-ilmu Islam mula berkembang yang kesemuanya diambil sandarannya berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Baginda SAW. Dari situlah ilmu seperti ilmu Tafsir, ilmu Hadith, ilmu Fekah, ilmu Tajwid, Aqidah, Nahu dan pelbagai disiplin ilmu Islam yang lain muncul. Imam Abu Hanifah (w. 157H / 767M) misalnya mengembangkan ilmu fekah dan selepas beliau termasuk Imam Malik (w.175H / 795M), Imam Shafi'e (w. 205H / 820M) dan Imam Ahmad bin Hanbal (w.241H/ 855M) dan ribuan para ulama lain selepas mereka ini yang turut menjelaskan tentang persoalan fekah. Begitu juga Imam Bukhari (w.256H/ 870M) menjadi pengasas kepada ilmu Hadith dan selepas beliau muncul ulama-ulama hadith lain yang menjejaki usaha beliau.

Setiap ilmu itu muncul demi menjaga keaslian ajaran baginda Rasulullah SAW dari diselewengkan. Ilmu Tafsir misalnya, bagi menjaga tafsir ayat-ayat Allah agar tidak ditafsir sewenang-wenangnya; ilmu Hadith, bagi menjaga Sunnah Nabi SAW, membezakan antara hadith yang sahih dan palsu dan pelbagai jenis hadith yang lain; ilmu Tajwid bagi menjaga kesucian bacaan al-Qur'an yang betul seperti yang diajarkan oleh Baginda SAW, dan begitu juga ilmu-ilmu lain yang setiap satunya mempunyai matlamatnya menjaga aspek atau disiplin tertentu dari ajaran Islam. Kesemua ilmu-ilmu ini tidak pernah wujud di zaman Rasulullah SAW sebagai suatu “disiplin yang khusus” kerana ianya tidak perlu memandangkan Rasulullah SAW masih hidup dan segala persoalan boleh terus dimajukan kepada Baginda SAW untuk jawapan. Tetapi apabila Baginda SAW wafat, di sana ada keperluan yang dirasakan oleh para ulama agar umat terbimbing dan

kemurnian ajaran Islam dapat dipertahankan.

Begitu juga kemunculan ilmu Tasawwuf ini adalah berdasarkan keperluan semasa setelah semakin jauhnya umat Islam dengan zaman Baginda Rasulullah SAW, penghayatan terhadap ajaran Islam juga semakin luntur. Apabila Empayar Islam semakin meluas, kecintaan kepada harta benda duniawi menjadi melampau sehingga menghilangkan fokus terhadap matlamat manusia diutuskan Allah SWT di atas mukabumi. Sifat-sifat keji (mazmumah) semakin subur sehingga membawa kepada perpecahan dan perbalahan yang parah di kalangan umat Islam.

Ilmu Tasawwuf ini adalah untuk mengembalikan manusia kepada fitrahnya yang asal yang suci bersih melalui amalan-amalan penyucian diri rohani (hati) dari sifat-sifat keji (mazmumah) dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji (mahmudah). Sebagai contoh bagaimana untuk bersifit dengan sifat ikhlas dan membuang perasaan riya', takabbur, hasad dengki dan seumpamanya. Bagaimana untuk bersifit ihsan iaitu "menyembah Allah sepertimana kamu melihatNya, dan jika kamu tidak melihatNya, yakinlah Allah melihatmu" seperti yang disebutkan dalam Hadith Jibril a.s yang terkenal itu. Aspek ini semua ditekankan dalam bidang ilmu yang dipanggil ilmu Tasawwuf. Ada juga nama-nama selain ilmu Tasawwuf seperti Ilmu Akhlak, Tahzib al-Akhlaq, Tazkiyat al-Nafs, Ilmu Ihsan dan sebagainya, tetapi semuanya membawa maksud yang satu dan menjurus kepada matlamat yang sama.

Apakah Matlamat Ilmu Tasawwuf?

Rasulullah SAW merupakan model ikutan umat Islam dalam semua aspek kehidupan. Mengikuti Rasulullah SAW bukan sahaja amalan luaran zahirnya sahaja tetapi sepatutnya turut mencontohi Baginda SAW dalam amalan batinnya. Bagaimana Rasulullah mengajar untuk bersifit ihsan dalam kehidupan seharian. Hakikatnya dalam kehidupan kita ini, semua perbuatan terbahagi kepada dua aspek, iaitu luaran dan dalaman atau zahir dan batin. Sebagai contoh, solat. Yang zahir yang dilihat orang ialah pergerakan kita dari satu rukun fi'li ke rukun yang lain, manakala yang batinnya yang tidak diketahui sesiapa pun ialah aspek "khusyuk" dalam solat itu. Begitu juga dalam bersedekah, yang zahirnya ialah jumlah wang atau barangan yang disedekahkan, tetapi aspek batinnya ialah bagaimana kedudukan hati orang bersedekah itu ketika beliau melakukan amalan tersebut. Adakah beliau ikhlas atau sebenarnya untuk menunjuk-nunjuk dan mendapat pujian manusia?

Kedua-dua aspek zahir dan batin adalah penting dalam Islam. Ilmu tasawwuf menitikberatkan model Rasulullah SAW dalam aspek batin, manakala aspek zahir amal ibadat dibincangkan dalam ilmu yang disebut ilmu Fekah. Seseorang yang solat dari segi fekahnya mungkin kelihatan memenuhi syarat sahnya, tetapi hatinya sebenarnya lalai dari mengingati Allah SWT lalu solatnya menjadi sia-sia bahkan tercela. Orang yang berpuasa misalnya mungkin tidak makan dan minum serta menahan diri dan perkara yang membatalkan puasa sejak terbit fajar hingga terbenam matahari. Dari segi hukum fekah puasanya sah, tetapi beliau sebenarnya tidak menjaga anggota matanya, telinganya, lidahnya dan anggota-anggota lain seperti mengumpat, memfitnah orang dan seumpamanya. Hatinya masih lalai dari mengingati Allah dan masih bersangka buruk terhadap orang lain, bredendam, hasad. Ini menjadikan puasanya walaupun sah tetapi kurang "markah" bahkan boleh menjadi sia-sia sahaja dan beliau memperolehi

lapar dan dahaga sepertimana disebutkan dalam banyak hadith Nabi SAW. Persoalan seumpama ini cuba ditangani oleh para ulama tasawwuf yang cuba untuk mendidik hati agar sentiasa berada dalam kesedaran ketuhanan (muraqabah) setiap masa, menyucikan hati dari sifat-sifat keji dan tercela sehingga menjadi hati yang sihat sejahtera (qalbun salim). Professor Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas merumuskan tasawwuf dengan begitu menarik sekali dengan ungkapannya "beramal dengan syariat pada maqam ihsan". Wallahu'alam.